



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA (Bagi Minggu 29/2016 dari 17 hingga 23 Julai 2016)

Pada minggu ke-29 tahun 2016, iaitu dari 17 hingga 23 Julai 2016, sejumlah 2,188 kes Denggi telah dilaporkan, pengurangan sebanyak 52 kes (2.3%) berbanding dengan minggu sebelumnya iaitu 2,240 kes. Terdapat enam (6) buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Kelantan 50 kes (40.3%), WP Kuala Lumpur dan Putrajaya 39 kes (15.7%), Negeri Sembilan 3 kes (5.4%), Terengganu 1 kes (10.0%), Sabah 1 kes (0.8%) dan WP Labuan 1 kes. Dari Januari sehingga 23 Julai 2016, jumlah kumulatif kes Denggi dilaporkan adalah 63,722 kes, berbanding 67,944 kes bagi tempoh yang sama tahun 2015, iaitu penurunan sebanyak 6.2% (4,222 kes).

Manakala untuk kematian Denggi pula, bagi tempoh yang sama sebanyak tujuh (7) kematian dilaporkan. Jumlah kumulatif kematian Denggi sehingga 23 Julai 2016 adalah sebanyak 142 kematian, berbanding 185 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2015, menunjukkan pengurangan sebanyak 43 kematian (23.2%).

Dari 17 hingga 23 Julai 2016, terdapat sejumlah 14 negeri dan 43 daerah berwabak melibatkan 770 lokaliti termasuk 98 lokaliti *hotspot* dilaporkan. Terdapat tujuh (7) daerah baru dilanda wabak iaitu daerah Penampang, Beaufort, Tambunan, Song, Bachok, Tumpat dan Kampar.

Masalah Denggi adalah berpunca daripada persekitaran yang tidak dijaga dengan baik. Sehubungan dengan itu, penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan Denggi seperti aktiviti gotong royong perlulah diberikan penekanan oleh semua pihak, terutamanya di negeri yang mengalami peningkatan kes dan bilangan wabak yang berterusan pada tahun ini. Dengan keadaan musim hujan dan panas yang melanda negara pada masa

ini, masyarakat perlu berhati-hati dengan memastikan tiada bekas-bekas yang boleh menampung air di dalam dan luar rumah yang boleh menjadi punca tempat pembiakan Aedes.

Di samping itu, Pihak Berkuasa Tempatan juga perlu menjalankan aktiviti pemusnahan pembiakan Aedes terutama di projek rumah terbengkalai, tanah/lot kosong dan tempat pembuangan sampah yang masih menjadi tempat pembiakan Aedes. Ini kerana daripada pemantauan KKM, didapati sebanyak 21.8% projek rumah terbengkalai, 8.8% tanah atau lot kosong, 8% tempat pembuangan sampah dan 5.1% taman rekreasi di lokaliti berwabak didapati membiak nyamuk Aedes. Bagi pihak yang mengurus tanah perkuburan dan rumah ibadat serta persatuan penduduk perlu membersihkan tanah perkuburan dan tempat ibadat yang menyumbang kepada pembiakan Aedes masing-masing sebanyak 6.8% dan 4.5%. Pihak industri pula diminta memastikan kawasan persekitaran kilang adalah bersih kerana 6% daripada kilang-kilang didapati positif pembiakan nyamuk Aedes.

Sehubungan itu, PKD perlu memastikan aktiviti pencegahan ditingkatkan di kawasan berisiko apabila mendapati Indeks Aedes melebihi piawaian *standard* iaitu melebihi 1% bagi membendung peningkatan kes Denggi.

Berdasarkan situasi terkini penyakit Zika yang telah dikemas kini oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 20 Julai 2016, terdapat sebanyak 65 buah negara yang melaporkan jangkitan virus Zika. Manakala di Malaysia, tiada jangkitan virus Zika yang dikesan setakat ini berdasarkan kepada 651 sampel yang telah diuji oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan juga Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). Selain itu, saringan pelawat di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) masih diteruskan dan setakat ini tiada pelawat yang disyaki dijangkiti virus Zika tersebut.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
2 OGOS 2016

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 29/2016
(17 hingga 23 Julai 2016)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 29/2016		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 29/2015	
		Minggu 29 (17 Julai hingga 23 Julai 2016)		Minggu 28 (10 Julai – 16 Julai 2016)					
1	Perlis	1	0	7	0	99	(1)	147	(1)
2	Kedah	20	0	32	0	564	(2)	540	(5)
3	P. Pinang	19	0	20	0	1,947	(11)	3,116	(7)
4	Perak	60	0	89	0	2,409	(7)	6,351	(16)
5	Selangor	1,101	(3)	1,166	0	34,213	(51)	38,524	(89)
6	WP KL & Putrajaya	288	(2)	249	(1)	5,259	(10)	4,392	(20)
7	N. Sembilan	59	(1)	56	0	1,716	(16)	1,183	(7)
8	Melaka	55	0	64	0	1,360	(5)	1,144	(5)
9	Johor	173	0	183	0	7,949	(12)	6,559	(18)
10	Pahang	43	0	44	0	1,458	(6)	1,499	(5)
11	Terengganu	11	0	10	0	1,570	(13)	555	(2)
12	Kelantan	174	0	124	0	1,555	(2)	1,036	(4)
13	Sarawak	64	(1)	78	0	1,681	(5)	1,315	(2)
14	Sabah	119	0	118	0	1,938	(1)	1,581	(4)
15	WP Labuan	1	0	0	0	4	0	2	0
	MALAYSIA	2,188	7	2,240	1	63,722	(142)	67,944	(185)

Nota: () Kematian

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 23 JULAI (Mg 29) 2016

Bil.	Negeri	Daerah	Nama Lokaliti Wabak	Kumulatif Kes	Tempoh Masa Wabak Berlaku (Hari)	AI	BI
1	Selangor	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	295	298	0.8	1
2	Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	102	208	100	100
3	Selangor	Petaling	Bl Pju 8 Apt Flora Damansara 2 (Blok C - F)	113	205	2	2
4	Selangor	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	209	197	50	50
5	Selangor	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	73	168	0.9	1
6	Selangor	Petaling	Subang Jaya (Dk Senza Condominium Jln Taylors)	103	153	11.1	11
7	Selangor	Hulu Langat	Jalan Dayang 26,28,30,32,34,36,38,40,42, 44,46,48,50,52,54,56&58/8 Bandar Mahkota	31	107	8.3	8
8	Selangor	Petaling	Sri Ss 8 Apt Kelana Impian	22	89	2	2
9	Selangor	Petaling	Kd Pju 1a Pprt B : Blok D,E,F	15	88	2.3	2
10	Perak	Kinta	Cherry Apartment	54	87	1.1	1
11	Selangor	Petaling	Bt 14 Kg Bunga Melor	25	82	0	0
12	Selangor	Hulu Langat	Appt Taman Bukit Mutiara	16	78	10.5	11
13	Selangor	Hulu Selangor	Apt Dahlia Tbr Bb	18	78	13	13
14	Selangor	Petaling	Tmn Puchong Prima 1	10	67	14.3	14
15	Selangor	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Puteri Kondo	120	65	2.3	2
16	Selangor	Petaling	Tmn Bkt Serdang 4	10	64	0	0

17	Selangor	Gombak	Appt Residensi Bistaria	26	63	8	8
18	Selangor	Petaling	Bl Pju 10 Apt Rampai Idaman	13	63	2	2
19	Selangor	Petaling	Kd Pju 1a Flat Sri Jati	8	63	12.5	13
20	Selangor	Petaling	Pst Bdr Puchong (Jln Bandar & Qts Bomba)	9	62	0	0
21	Selangor	Petaling	Du Ss 4b	8	58	2.9	3
22	Selangor	Petaling	Du Ss 2 (1)	24	56	4.2	4
23	Selangor	Petaling	Kt Ss 1 Teres B	22	55	4.2	4
24	Selangor	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Kenari	21	55	0	0
25	Selangor	Petaling	Bl Pju 10 Apt Permai	34	54	2.3	2
26	Selangor	Hulu Langat	Jalan Rakan 9-17 Taman Rakan	20	53	10	10
27	Selangor	Gombak	Tmn Melawati (F)	13	51	8.8	9
28	Selangor	Hulu Langat	Kawasan Perindustrian Balakong	11	51	9.1	9
29	Selangor	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Putera Kondo	17	51	2.3	2
30	Selangor	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 2	8	51	0	0
31	Selangor	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Bangau	24	51	0	0
32	Selangor	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Flat Ikan)	11	50	11.1	11
33	Selangor	Petaling	Seksyen 16 (Kuarters Suk)	23	49	0	0
34	Selangor	Petaling	Ss 17/3	28	49	0	0
35	Selangor	Hulu Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	20	48	5	5
36	Selangor	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Plaza)	10	48	0	0
37	Selangor	Petaling	Seksyen 9 (Kuarters Ipk Selangor&Kuarters Jkr)	25	47	0	0
38	Selangor	Petaling	Sri Ss 7 Teres A : Jln Ss 7/26, Ss 7/28, Ss 7/30	10	47	4.2	4
39	Kelantan	Kota Bharu	Demit Darat	47	47	6.5	7

40	Johor	Johor Bharu	Rumah Kongsi Wct Sb	7	47	0	0
41	Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	16	46	0	0
42	Selangor	Gombak	Kg Nakhoda Kiri Zon C	8	46	9.1	9
43	Selangor	Gombak	Tmn Selayang Jaya Zon B	5	45	20	20
44	Selangor	Petaling	Bl Pju 10 One Damansara Kondo	5	45	2.3	2
45	Selangor	Petaling	Bl Pju 9 Sd 7	11	45	3.5	4
46	Selangor	Petaling	Kt Ss 1 Teres E	14	45	2.9	3
47	Selangor	Petaling	Kd Pju 1a Pprt A : Blok A,B,C	9	45	2.9	3
48	Selangor	Gombak	Bdr Baru Selayang Fasa 1 (Zon A)	16	44	33.3	33
49	Johor	Johor Bharu	Bdr Sri Alam_Flat Tasek 64	19	44	0.6	1
50	Selangor	Hulu Langat	Jalan Pahlawan Bandar Mahkota Cheras	7	42	0	0
51	Selangor	Petaling	Seksyen U5 (Mutiara Subang Kaw Perindustrian A : Jln U5/11- U5/17&U5/1-U5/2)	10	42	0	0
52	Selangor	Petaling	Bdr Kinrara (Jln Bk 2)	12	42	0	0
53	Selangor	Petaling	Bg Seksyen 17 Teres E	14	41	2.9	3
54	Selangor	Petaling	Tmn Kinrara (Jln Tk 2)	11	41	0	0
55	Selangor	Petaling	Tmn Perindustrian Subang Hi-Tech (Jln Nilam & Delima)	6	41	0	0
56	Selangor	Hulu Langat	Kolej Kemahiran Mara Beranang	12	40	0	0
57	Selangor	Sepang	Apt Kekwa	15	40	4	4
58	Wpkl	Cheras	Taman Connaught(Angkasa Condo)	6	40	3.5	4
59	Selangor	Gombak	Kg Sg Salak	7	39	33.3	33
60	Selangor	Hulu Langat	Jalan Pandan Indah 6/2-6/11 Pandan Indah Commercial Park	11	39	0	0
61	Johor	Johor Bharu	Tmn Johor Jaya_Jln Keembong 34-41	6	39	3.6	4

62	Selangor	Hulu Langat	Jalan 30-38c Kampung Cheras Baru	9	38	18.2	18
63	Selangor	Petaling	Pjs 9/2 - Pjs 9/30	16	38	0	0
64	Selangor	Petaling	Seksyen U19 (Kg Paya Jaras Hilir : Jln Teratai 2)	9	38	0	0
65	Selangor	Petaling	Seksyen 2	15	37	0	0
66	Selangor	Petaling	Tmn Pinggiran Usj 2 (Sri Nipah)	12	37	100	100
67	Selangor	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	23	37	0	0
68	Johor	Johor Bharu	Tmn Daya Rumbia	13	37	2.4	2
69	Selangor	Hulu Langat	Jalan Impian Gemilang Saujana Impian	16	36	50	50
70	Selangor	Hulu Selangor	Apt Semarak Bb	8	36	2	2
71	Selangor	Petaling	Sri Ss 5a (2) : Jln Ss 5a/11 - 5a/19	8	36	0	0
72	Melaka	Melaka Tengah	Bt 3, Kg Ku Sayang	17	35	2.3	2
73	Selangor	Gombak	Tmn Greenwood	4	34	0	0
74	Selangor	Hulu Langat	Blok H-M Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	8	34	0	0
75	Selangor	Hulu Langat	Jalan 1/2 Seksyen 1 Bandar Baru Bangi	8	34	0	0
76	Selangor	Petaling	Bl Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A, B)	5	34	2.3	2
77	Selangor	Petaling	Bdr Kinrara 5 (Jln Bk 5/9-Bk 5/18) & Ipd Serdang	21	34	0	0
78	Selangor	Gombak	Tmn Andaman Ukay	8	33	100	100
79	Selangor	Hulu Langat	Appt Taman Anggerik Villa 2	7	33	0	0
80	Selangor	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	11	33	0	0
81	Selangor	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Mutiara Subang : Blok 1 - 7)	7	33	0	0
82	Selangor	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psrn Perdana (One South)	10	33	0	0
83	Selangor	Petaling	Tmn Sri Serdang 3 (Jln 18/30-18/44 & 18/46)	7	33	0	0
84	Perak	Larut Matang & Selama	Taman Rakyat Fasa 3	23	33	1.1	1

85	Selangor	Gombak	Tmn Permata Zon B	9	32	20	20
86	Selangor	Hulu Langat	Jalan Cp 1 Taman Cheras Perdana	7	32	0	0
87	Selangor	Hulu Langat	Jalan Suadamai 2 Bandar Tun Hussein Onn	5	32	0	0
88	Selangor	Hulu Langat	Taman Sri Bahagia	5	32	0	0
89	Johor	Johor Bharu	Tmn Cempaka Blok 15-27	5	32	2.6	3
90	Selangor	Hulu Langat	Jalan Saidina Umar Al-Khatib Kampung Bukit Sungai Putih	5	32	12.5	13
91	Selangor	Hulu Langat	Venice Hill Condominium	8	31	11.1	11
92	Selangor	Klang	Jln Meru (Lot 5068 Bt 4)	18	31	25	25
93	Selangor	Petaling	Bg Seksyen 17 Teres F	10	31	4.4	4
94	Selangor	Petaling	Kt Ss 3 Teres A	7	31	4.2	4
95	Selangor	Petaling	Pjs 11/7 (Nadayu Resident)	9	31	0	0
96	Selangor	Petaling	Tmn Tasik Prima (The Wharf Residence)	6	31	0	0
97	Selangor	Sepang	Cyberia Smarhome	8	31	4	4
98	Selangor	Hulu Langat	Lorong Ikan Emas 1-6 Kampung Ampang Campuran	5	31	18.2	18